



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Bertam

TEKS UCAPAN PENUTUP

YANG BERUSAHA

ENCIK AMIR HEBERD ABDULLAH

PENOLONG REKTOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

SEMPENA

**PROGRAM BENGKEL DAN PERTANDINGAN DOKTOR MUDA
PERINGKAT SEBERANG PERAI UTARA**

DI

PTAR, PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK,

UiTMCPP KAMPUS BERTAM

PADA

30 NOVEMBER 2022 / 5 JAMADILAWAL 1444H

(RABU)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَحْمَمِعِينَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

SALUTASI:

1. Yang Berusaha Ts Dr. Wan Ismahanisa Binti Ismail

Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Sains Kesihatan, UiTMCPP Kampus Bertam

2. Yang Berusaha Puan Rafizah Binti Abd Rahman

Guru Penolong Kanan Kokurikulum, SK Bertam Perdana

3. Barisan Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam

4. Staf pentadbiran dan akademik, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam

5. Guru-guru pengiring pelajar

6. Serta Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Keluarga Malaysia

Salam Keluarga UiTM

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas sifat Rahman dan Rahim-Nya jua, kita semua dikurniakan nikmat kesihatan dan kelapangan waktu untuk bersama-sama dalam Majlis Penutup Bengkel dan Pertandingan Doktor Muda Peringkat Daerah Seberang Perai Utara.
2. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berusaha Puan Rafizah Binti Abd Rahman Guru Penolong Kanan Kokurikulum SK Bertam Perdana di atas penganjuran bersama Program Bengkel dan Pertandingan Doktor Muda dengan Perpustakaan Tun Abdul Razak, Program Fisioterapi dan Program Kejururawatan Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam.
3. Tidak dilupakan juga para pelajar dan guru-guru yang bersama kita pada hari ini iaitu dari Sek. Keb. Lahar Yooi, Sek. Keb. Sungai Dua,

Sek. Keb. Bagan Jermal dan Sek. Keb. Permatang Janggus yang turut hadir memeriahkan acara penutup pada hari ini.

4. Impak program Bengkel dan Pertandingan Doktor Muda Peringkat Daerah Seberang Perai Utara ini diharapkan dapat melaksanakan jaringan komuniti antara PTAR, UiTM dan sekolah-sekolah sekitar seberang perai utara, perpindahan ilmu kepada warga kampus serta pembangunan latihan staf UiTM.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian

5. Pelbagai acara telah dirancang untuk menjayakan program pada hari ini termasuk Bengkel Amalan Kesihatan oleh Program Fisioterapi, Bengkel Rawatan Kecemasan oleh Program Kejururawatan, pembukaan reruai pameran oleh program-program dari UiTM dan Fakulti Sains Kesihatan serta Pertandingan Rawatan Kecemasan.
6. Di sini, saya ingin menyeru kita semua untuk sama-sama menyedari betapa pentingnya amalan kesihatan yang baik serta rawatan kecemasan dalam kehidupan seharian. Adalah diharapkan agar para pelajar Doktor Muda pada hari ini menjadi pelapis dan bertindak sebagai pemangkin kepada perubahan pengetahuan, sikap dan amalan kesihatan yang positif dalam kalangan pelajar sekolah.

Hadirin yang dihormati sekalian

7. Doktor Muda diberi latihan mengenai asas kesihatan agar mereka menjadi pembimbing kepada rakan sebaya selain bertindak sebagai

role model, promoter dan motivator kesihatan kepada rakan-rakan di sekolah.

8. Lazimnya, pelajar yang berminat, sihat, kemas, berpersonaliti menarik, memiliki sifat kepimpinan, bertanggungjawab, berpengaruh, suka menolong dan cemerlang dalam akademik menjadi kriteria dalam pemilihan Doktor Muda.
9. Diharapkan inisiatif dari program Doktor Muda yang telah dilaksanakan dapat membentuk tabiat kesihatan di kalangan murid sekolah rendah dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas kesihatan dengan pengamalan gaya hidup sihat, menjadi pembimbing dan pendorong kepada rakan sebaya dan ahli keluarga, serta membantu anggota kesihatan dan pihak sekolah dalam menjalankan aktiviti kesihatan di sekolah.
10. Mudah mudahan dengan komitmen semua kita mendapat faedah dari program Doktor Muda ini iaitu menjadikan sekolah bersih, sekolah bebas aedes, meningkatkan tabiat kesihatan, mencegah penyakit berjangkit serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas kesihatan dalam kalangan para pelajar.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

11. Mengakhiri ucapan saya pada kali ini, saya bacakan serangkap pantun:

Buah manggis buah durian,
Kacang Panjang sayur kailan,
Lebihkan buah dan sayur sayuran,
Kurangkan gula dalam masakan.

Sedap sangat air kelapa,
Kelapa tua dibuat santan,
Ingatlah selalu jangan dilupa,
Jaga kebersihan jaga kesihatan.

12. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum
Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.